

# PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	<p><b>PRULink Sustainable Equity Fund</b> (“Dana”) bertujuan untuk memberi tumpuan terutamanya kepada pelaburan dengan ciri-ciri kemampuan keseluruhan yang lebih tinggi daripada penanda aras prestasi, dan juga bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal dan pendapatan. Matlamat ini dicapai dengan melabur dalam ekuiti asing, sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, deposit, mata wang, derivatif atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang ditubuhkan oleh PAMB, skim pelaburan kolektif dan/atau pertukaran dana yang diniagakan.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana ini akan melabur terutamanya dalam dana-dana pelaburan [Dana(-dana) Sasaran] untuk mencapai objektif pelaburan. Dana(-dana) Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan ke, atau Dana(-dana) Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p> <p><i>Nota: Rujuk kepada maklumat tambahan untuk butir-butir Dana(-dana) Sasaran.</i></p>
Peruntukan Aset	<p>Dana ini akan melabur sehingga 100% Nilai Aset Bersih (“NAV”) Dana dalam Dana(-dana) Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Baki NAV Dana akan dilaburkan dalam aset cair.</p>
Piawaian Prestasi	<p>Piawaian prestasi aras akan berubah mengikut Dana(-dana) Sasaran. Pada permulaan penubuhannya, penanda aras adalah:</p> <p>MSCI AC World Index</p> <p><i>Penanda aras ini hanya adalah suatu penanda aras rujukan sahaja. Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras sila layari <a href="http://www.msci.com">www.msci.com</a></i></p>
Pengurus Dana	<p>Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U)</p>

## Yuran & Caj

Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

# PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

PRULink Sustainable Equity Fund adalah dana baru. Sejarah prestasi dana tidak wujud.

**Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.**

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Net Aset Bersih untuk Tahun } n}{\text{Net Aset Bersih untuk Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

## Maklumat tambahan untuk PRULink Sustainable Equity Fund

Pada permulaan, Dana ini akan melabur dalam Schroders International Selection Fund (ISF) – Global Sustainable Growth A Accumulation USD [“Dana(-dana) Sasaran”] yang diuruskan oleh Schroder Investment Management (Europe) S.A.

Dana Sasaran mengekalkan skor kemampuan keseluruhan yang lebih tinggi daripada indeks MSCI AC World (Net TR), berdasarkan sistem penarafan pengurus pelaburan Dana Sasaran. Skor kemampuan Dana Sasaran diukur oleh SustainEx™, alat proprietari Schroders yang memberikan anggaran impak masyarakat atau alam sekitar yang berpotensi yang mungkin dicipta oleh penerbit.

Penanda aras indeks *MSCI AC World (Net TR)* yang digunakan adalah penanda aras rujukan (indeks pasaran luas) kepada prestasi yang dibandingkan. Alam pelaburan bagi Dana Sasaran dijangka untuk bertindih secara material dengan komponen penanda aras rujukan. Pengurus pelaburan melabur mengikut budi bicara dan tidak ada sekatan sejauh mana portfolio dan prestasi strategi mungkin menyimpang dari penanda aras rujukan. Penanda aras rujukan ini tidak mengambil kira ciri-ciri alam sekitar dan/atau sosial yang dipromosikan oleh Dana.

Dana diuruskan secara aktif dan melabur sekurang-kurangnya dua pertiga daripada asetnya dalam sekuriti berkaitan ekuiti dan ekuiti syarikat di seluruh dunia. Dana biasanya memegang kurang daripada 50 syarikat. Dana Sasaran juga mungkin melabur sehingga satu pertiga daripada asetnya secara langsung atau tidak langsung dalam sekuriti lain (termasuk kelas aset lain), negara, wilayah, industri atau mata wang, dana pelaburan, waran dan pelaburan pasaran wang, dan memegang tunai. Dana Sasaran mungkin menggunakan derivatif dengan tujuan untuk mengurangkan risiko atau mengurus dana dengan lebih cekap.

### Strategi Pelaburan Mampan

Strategi pelaburan mampan yang digunakan oleh Pengurus Pelaburan adalah seperti berikut:

- Dana Sasaran diuruskan secara aktif dan melabur sekurang-kurangnya dua pertiga daripada asetnya dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat di seluruh dunia.
- Dana Sasaran biasanya memegang kurang daripada 50 buah syarikat.
- Dana Sasaran mengekalkan skor kemampuan keseluruhan yang lebih tinggi daripada indeks *MSCI AC World (Net TR)*, berdasarkan sistem penarafan Pengurus Pelaburan. Skor kemampuan Dana Sasaran diukur oleh SustainEx™,

## PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

alat proprietari Schroders yang memberikan anggaran potensi kesan sosial atau alam sekitar yang mungkin dicipta oleh penerbit.

- Perkadaran minimum aset Dana Sasaran yang digunakan untuk mencapai ciri-ciri alam sekitar atau sosial adalah 70%. Dana Sasaran akan melabur sekurang-kurangnya 50% daripada asetnya dalam pelaburan mampan. Dalam hal ini, tiada komitmen untuk melabur sebahagian minimum aset Dana Sasaran pelaburan mampan dengan objektif alam sekitar atau pelaburan mampan dengan objektif sosial. Ini bermakna bahagian pelaburan mampan dengan objektif alam sekitar dan bahagian yang mempunyai objektif sosial akan berubah dari semasa ke semasa. Dana Sasaran termasuk pelaburan yang dianggap neutral untuk tujuan kemampunan, seperti tunai dan Pelaburan Pasaran Wang dan derivatif yang digunakan dengan tujuan mengurangkan risiko (lindung nilai) atau mengurus Dana Sasaran dengan lebih cekap. Ia juga termasuk pelaburan yang tidak diskorkan oleh alat kemampunan proprietari Schroders dan oleh itu tidak menyumbang kepada skor kemampunan Dana Sasaran.
- Pengecualian  
Dana Sasaran menggunakan pengecualian seluruh firma yang serupa dengan Kumpulan Prudential. Untuk maklumat lanjut mengenai senarai pengecualian, sila rujuk prospektus dana Dana Sasaran.
- Dana Sasaran melabur dalam syarikat yang mempunyai amalan tadbir urus yang baik, seperti yang ditentukan oleh kriteria penarafan Pengurus Pelaburan.

Prestasi dana bagi dasar Schroders International Selection Fund (ISF) - Global Sustainable Growth A Accumulation USD pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013
Prestasi Bersih	-17.9%	19.3%	27.5%	31.0%	-3.3%	28.8%	-0.7%	1.5%	-0.5%	25.2%

*Nota: Pulangan di atas adalah untuk Dana Sasaran A (Accumulation) yang berdominasi dalam USD.*

*Sumber: Schroder Investment Management pada 31 December 2022*

Yuran pengurusan boleh dikenakan pada peringkat Dana dan/atau Dana(-dana) Sasaran. Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50% setahun, yang merupakan gabungan bagi caj pengurusan dana tahunan pada peringkat Dana dan Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif ("CIS") yang lain mungkin dikenakan yuran tambahan pada peringkat Dana Sasaran yang diambil sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan untuk meningkatkan prestasi dana.

### Risiko-Risiko Pelaburan bagi PRULink Sustainable Equity Fund

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

#### Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

##### Risiko Pasaran

# PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya, dijejaskan oleh, di antara lain-lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kelembapan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan bagi Dana ini.

## **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat.

## **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

## **Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

## **Risiko Ketidapatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidapatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidapatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidapatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

## **Risiko Tumpuan**

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh diminimumkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

## **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

# PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

## Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana(-dana) Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang denominasi Dana(-dana) Sasaran. Di mana berkenaan, instrumen lindung nilai mata wang atau kelas dana lindung nilai mata wang daripada Dana(-dana) Sasaran mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

## Risiko Derivatif

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana(-dana) Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang.

## Risiko Pengurusan Dana Sasaran

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana Sasaran dan pulangan Dana ini adalah tidak terjamin. Ini mungkin menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggap lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

## Risiko Kemampanan

Dana mempunyai ciri-ciri alam sekitar dan/atau sosial. Ini mungkin mempunyai pendedahan terhadap kepada sesetengah syarikat, industri atau sektor dan mungkin melepaskan peluang pelaburan tertentu, atau melupuskan pegangan tertentu, yang tidak sejajar dengan kriteria kemampanannya. Justeru itu, dana mungkin berprestasi rendah dana lain yang tidak menggunakan kriteria yang sama. Dana mungkin melabur dalam syarikat yang tidak mencerminkan kepercayaan dan nilai mana-mana pelabur tertentu.

## Risiko Pengecualian

Dana tidak mempunyai pengecualian ketat bagi syarikat yang terdedah kepada risiko ESG bawah skor kemampanan tertentu daripada ambang penanda aras prestasi.

## Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana(-dana) Sasaran atau Dana(-dana) Sub (secara kolektif dikenali sebagai "Dana(-dana) Sasaran")

### Risiko Sekuriti

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Pengurus Dana(-dana) Sasaran berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

### Risiko Pengurusan Dana(-dana) Sasaran

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana(-dana) Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana(-dana) Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana(-dana) Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang mana Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

# PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana(-dana) Sasaran**

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran akan terjejas. Dengan itu, Dana(-dana) Sasaran akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana(-dana) Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana(-dana) Sasaran (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana(-dana) Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana(-dana) Sasaran mahupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

## **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana(-dana) Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana(-dana) Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

## **Risiko Negara-negara atau Sekuriti-sekuriti Asing**

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran dan maka juga boleh menjejaskan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti-sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti. Pengurus Dana(-dana) Sasaran akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana(-dana) Sasaran diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Dana(-dana) Sasaran juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematik, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini.

## **Risiko Mata Wang**

Pelaburan dasar Dana(-dana) Sasaran ini mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berlainan daripada mata wang Dana(-dana) Sasaran. Prestasi Dana(-dana) Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang pelaburan dasar dan mata wang Dana(-dana) Sasaran.

## **Risiko Caj-Caj kepada Modal**

Caj-caj dan perbelanjaan Dana(-dana) Sasaran adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

## **Risiko Kemampanan**

Dana mempunyai ciri-ciri alam sekitar dan/atau sosial. Ini mungkin mempunyai pendedahan terhad kepada sesetengah syarikat, industri atau sektor dan mungkin melepaskan peluang pelaburan tertentu, atau melupuskan pegangan

## PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

tertentu, yang tidak sejajar dengan kriteria kemampuannya. Justeru itu, dana mungkin berprestasi rendah dana lain yang tidak menggunakan kriteria yang sama. Dana mungkin melabur dalam syarikat yang tidak mencerminkan kepercayaan dan nilai mana-mana pelabur tertentu.

### **Risiko turun naik yang lebih tinggi**

Harga dana ini mungkin tidak stabil kerana ia mungkin mengambil risiko yang lebih tinggi untuk mencari ganjaran yang lebih tinggi dan ciri-ciri kemampuan.

### **Sekatan pada Pelaburan Asing**

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan-sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian kemudiannya gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur-pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana(-dana) Sasaran untuk membuat pelaburan yang diinginkan pada masa tersebut.

### **Risiko Derivatif**

Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko-risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpulan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dcairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana(-dana) Sasaran ini. Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpulan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana(-dana) Sasaran ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana(-dana) Sasaran.

*Senarai di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko yang lengkap, yang perlu dipertimbangkan oleh pemegang polisi sebelum membuat pelaburan dalam Dana. Pemegang-pemegang polisi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.*

## **Pengurusan Risiko**

### **Risiko Peramalan**

# PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

## Kawalan Sistem

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

## Maklumat lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<p>Dana ini sesuai untuk pemegang-pemegang polisi yang:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari peningkatan modal dan pendapatan dalam tempoh pelaburan jangka masa sederhana hingga panjang.</li><li>• Mempunyai toleransi risiko yang tinggi.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Penilaian Unit</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi Dana ini pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan dengan Nilai Dana dibahagikan dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana <b>PRULink</b> Global selepas pemotongan belanja untuk pengurusan, memperoleh, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("Prudential") ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Prudential akan menilai pelbagai Dana-dana <b>PRULink</b> Global pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai pelaburan dana-dana <b>PRULink</b> Global dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana <b>PRULink</b> Global akan ditentukan oleh Prudential pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Pemegang Polisi selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat kepada nilai dana untuk memulihkan sebarang amaun di mana Dana ini telah atau dijangka untuk membayarbagi penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Prudential tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana <b>PRULink</b> Global yang lebih pada suatu Hari Penilaian.</li><li>• Prudential juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, apabila terdapat jumlah besar jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk</li></ul>



## PRULink Sustainable Equity Fund

Semua data seperti pada 13 Jan 2024 melainkan jika dinyatakan

menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.

- Prudential mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusan niaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana **PRULink Global**.

Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.